

Asas Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah

HAJAH JAWIAH DAKIR

ABSTRAK

Antara sebab berlakunya masalah sosial di kalangan anak-anak remaja dan muda-mudi ialah adanya masalah dalaman keluarga. Jelasnya, keluarga merupakan faktor penentu yang utama untuk membina generasi sekarang dan akan datang ke arah kecemerlangan spritual dan material. Kerana itu Al-Qur'an dan al-Sunnah telah menetapkan asas-asas yang penting untuk membina keluarga yang kukuh lagi mantap. Kertas ini menjelaskan beberapa asas penting tersebut menurut persepsi al-Quran dan al-Sunnah.

PENDAHULUAN

Keluarga merupakan satu masyarakat kecil. Ia menjadi asas dan tapak pertama pembentukan dan perkembangan masyarakat dan negara, kerana setiap individu keluarga menjadi pendukung utama organisasi masyarakat dan negara. Kemantapan atau tidaknya institusi keluarga memberi kesan kepada kemantapan atau tidaknya masyarakat dan negara.

Di samping itu kehidupan berkeluarga dan berumahtangga tidak boleh dipisahkan dari kehidupan bermasyarakat keseluruhannya. Kebahagiaan manusia secara umumnya dapat diukur melalui kebahagiaan hidup berkeluarga dan berumahtangga.

Berdasarkan kepada hakikat di atas maka Islam melalui al-Quran dan hadis telah mengatur asas-asas yang kukuh dan sistematik dalam membentuk institusi keluarga sebelum dan sesudah perkahwinan. Asas-asas tersebut merangkumi aspek akidah, akhlak, sosial, pendidikan dan ekonomi, spiritual dan material. Di antara objektif pembentukan keluarga yang sedemikian rupa ialah untuk mencapai, mencorak lalu melahirkan suatu umat yang terbaik, cemerlang dan unggul bagi memimpin dan menguruskan kehidupan di dunia dan mendapat tempat yang baik di akhirat. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah. (Ali 'Imran, 3:110).

ASAS-ASAS PEMBENTUKAN KELUARGA

SEBELUM PERKAHWINAN

Memilih pasangan yang baik Allah telah menjadikan setiap makhluk-Nya memerlukan pasangan dan mempunyai pasangan. Mereka tidak dapat berkembang biak dan meneruskan kehidupan dengan cara berseendirian tanpa ada pasangan, kerana itu mereka diciptakan berpasangan. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya. (Yāsin, 36:36)

Untuk membiak dan menghasilkan zuriat yang baik, maka Islam telah memberikan garis panduan dalam memilih “benih” zuriat yang baik juga. Islam menganjurkan supaya mencari dan memilih pasangan yang mempunyai sifat ruhaniyyah dan fizikal yang baik. Di antara sifat ruhaniyyah itu ialah taat beragama dan berakhlak baik. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

Seseorang wanita itu dinikahi kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Pilihlah yang mempunyai (taat) agama, kamu akan beruntung. (al-Bukhārī t.th, 7:9)

Bagi pihak ibu bapa yang anak gadisnya dipinang orang, Rasulullah S.A.W berpesan:

Apabila datang kepada engkau (wali) seseorang lelaki (meminang) yang engkau suka agamanya (kerana taat kepada agama) dan akhlaknya hendaklah engkau kahwinkan dengannya (anak gadismu). (al-Tirmidhī t.th. 2:274)

Islam juga menganjurkan supaya mengenalpasti sifat fizikal dalam memilih pasangan. Kerana itu, lelaki dan perempuan diharuskan melihat dan merisik bakal pasangannya sendiri atau melalui wakilnya. Rasulullah pernah mengesyorkan seorang Sahabat bernama al-Mughīrah b. Shu‘bah supaya melihat bakal perempuan yang hendak dipinangnya dengan berkata:

Lihatlah kepadanya (perempuan berkenaan) kerana dengan melihatnya amat penting untuk mengekalkan (kesesuaian) di antara kamu berdua. (al-Nasā’i t.th, 6:69-70)

Dalam satu riwayat yang lain seorang wanita pernah menawarkan diri dihadapan Rasulullah untuk dikahwini oleh Rasulullah. Rasulullah

melihat kepadanya kemudian menundukkan kepala tanda tidak setuju yang kemudiannya difahami oleh wanita itu. Lantas seorang Sahabat melamarnya ketika itu juga. (al-Bukhāri, t.th, 7:19). Riwayat ini menunjukkan harus wanita melihat bakal pasangannya. Ianya sesuai dengan keterangan Saidina 'Umar b. al-Khattab:

Janganlah kamu kahwinkan anak-anak perempuan kamu dengan lelaki yang hodoh kerana mereka juga akan tertarik dengan lelaki atas sebab yang sama seperti lelaki tertarik dengan mereka. (al-Sabbagh, *al-Sa'adah al-Zawjiyyah* dalam Mat Saat Abd. Rahman 1993, 8)

SETARAF (KUFU')

Bagi menjamin keberkekalan dan keharmonian rumahtangga atau keluarga yang bakal dibina, masalah kufu tidak kurang pentingnya. Para ulama Islam khususnya telah memberikan penekanan dalam masalah ini. Kufu' adalah hak bakal isteri dan walinya. Kufu' ini boleh dilihat dari beberapa sudut iaitu:

- a. Kufu' dari segi agama iaitu pasangan hendaklah seagama.
- b. Kufu' dari segi iffah iaitu pasangan adalah orang-orang yang terpelihara dari segala amalan yang haram di dalam pergaulan harian.
- c. Kufu' dari segi keturunan iaitu pasangan sama-sama sebangsa.
- d. Kufu' dari segi ketaatan kepada perintah dan larangan Allah.

Masalah ini adalah tertakluk kepada bakal isteri dan wali untuk membuat pilihan dan keputusan.

Persetujuan dan Kerelaan Bagi memperkukuhkan ikatan perkahwinan dan seterusnya kekeluargaan yang bakal disimpul, persetujuan dan kerelaan pasangan terutama pihak wanita yang hendak dikahwini tidak harus diketepikan sama ada wanita itu gadis atau janda. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W dengan sabdanya yang bermaksud:

Janganlah kamu (wali) nikahkan wanita janda sehingga kamu meminta persetujuannya dan jangan (engkau nikahkan) anak gadismu melainkan dengan izinnya. Sahabat bertanya, bagaimanakah tanda persetujuannya ya Rasulullah? jawab Rasulullah: ia bersetuju dengan diamnya. (Abu Dāwūd t.th, 2:231)

Persediaan material yang cukup sekadar yang mampu Dalam memulakan sebuah perkahwinan dan membina sebuah keluarga, persediaan dan kemampuan material amat ditekankan oleh Islam, kerana sebelum dan juga selepas perkahwinan tanggungjawab material merupakan satu

kewajipan. Mahar dan nafkah yang lain, wajib ditunaikan oleh bakal suami. Allah menegaskan:

Berikanlah maskahwin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian yang penuh kerelaan. (al-Nisā 4:4)

Rasulullah S.A.W pula menyeru kepada orang-orang yang mampu supaya berkahwin, jika mereka tidak mampu, mereka digalakkan supaya berpuasa agar dapat menghilangkan keinginan berkahwin. (al-Bukhari, t.th, 7:3)

Orang yang boleh dikahwini Bagi menjamin kesucian dan kelu-huran pembentukan keluarga, Islam telah menetapkan orang yang harus dan tidak harus dikahwini. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Diharamkan ke atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, adik-adikmu yang perempuan, adik beradik ibumu dan bapamu yang perempuan, anak-anak perempuan dari adik-beradikmu yang lelaki dan perempuan, ibu-ibumu yang menyusukan kamu, adik beradik perempuan sepersusuan, ibu-ibu isterimu (ibu mertua) anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum bercampur dengan isterimu (dan kamu sudah bercerai) maka tidak berdosa kamu mengahwinkannya, (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu, dan (haram) menghimpunkan (dalam satu perkahwinan) dua perempuan yang bersaudara kecuali yang telah terjadi di masa lalu. (al-Qur'ān, al-Nisā', 4:23)

Dan firman Allah S.W.T. bermaksud:

Dan janganlah kamu kahwini wanita-wanita yang telah dikahwini oleh ayahmu kecuali pada masa lalu. (al-Nisā', 4:22)

Rasulullah S.A.W pula menegah seseorang lelaki menghimpunkan antara anak saudara dengan ibu saudara sebelah bapa dan ibunya dalam satu masa. (al-Bukhārī t.th, 7:15)

Selepas Perkahwinan Pembentukan keluarga selepas sesuatu perkahwinan berdasarkan asas-asas yang kukuh seperti yang telah digaris oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah. Asas-asas ini pada dasarnya merangkumi aspek-aspek spiritual dan material. Di antara asas-asas tersebut ialah:

1. Iman dan takwa
2. Cinta dan kasih sayang (al-Mawaddah wa al-Rahmah)
3. Pergaulan yang baik (Husn al-Mu'āsharah)
4. Amanah tugas dan tanggungjawab nafkah.

5. Keadilan
6. Pendidikan dan pembentuk peribadi/sahsiyah cemerlang.
7. Ketaatan dan kesetiaan.

Iman dan Takwa Di antara objektif perkahwinan dalam Islam ialah membentuk sebuah keluarga muslim hasil dari ikatan lahir dan batin di antara dua orang; lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di samping melahir zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia muslim berlandaskan batas-batas (disiplin) yang telah ditetapkan oleh syarak. Objektif ini terkandung dalam pengertian perkahwinan itu sendiri.

Bagi mencapai objektif ini, proses pembentukan keluarga itu hendaklah berasaskan prinsip keimanan dan ketakwaan yang mantap. Keimanan dan ketakwaan adalah segala-galanya dalam penentuan arah tuju sesuatu organisasi atau institusi termasuk institusi keluarga kerana ianya merupakan petunjuk dan benteng dalam mencapai sesuatu matlamat atau tujuan.

Al-Qur'an dan al-Sunnah dalam banyak ayat dan sabdanya telah menekankan aspek ini dalam pembentukan sesebuah keluarga. Contohnya, bagaimana al-Qur'an menggambarkan Luqman membentuk keluarganya dengan menekankan aspek akidah terlebih dahulu. Firman Allah bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pengajaran kepadanya: "hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar" (Luqman, 31.13)

Pendidikan akidah sebagai asas pembentukan keluarga Luqman sewajarnya menjadi panduan kepada keluarga-keluarga muslim kini sekiranya setiap keluarga mahu melihat keunggulan identiti keluarga muslim. Suami atau bapa sebagai ketua keluarga dipertanggungjawabkan supaya hakikat kemurnian akidah dan syariat keluarganya terjamin dan dapat dilaksanakan sebijak mungkin dengan kerjasama individu dalam keluarganya. Allah S.W.T. memperingatkan:

Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu. (al-Tahrim, 66:6)

Apabila sudah mantap keimanan dalam diri individu keluarga, mantapkan juga ketakwaan terhadap Allah, praktikal ibadat yang khusus dan yang umum supaya aktiviti setiap orang dalam keluarga tidak terpesong dari landasan syarak atas asas takwa.

Sekali lagi kaedah Luqman sewajarnya menjadi teladan. Penekanan kepada ibadat wajib sembahyang di antara yang paling utama didahulukan. Firman Allah S.W.T.

Wahai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar. (Luqman, 31.17)

Latihan ibadat dari semenjak umur kecil amat perlu seperti yang ditegaskan Rasulullah S.A.W

Suruhlah (latihlah) anak-anak kamu sembahyang ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (supaya mahu mendirikan sembahyang) ketika berumur sepuluh tahun. (Abū Dāwūd, t.th. 1:134)

Dalam riwayat yang lain baginda menjelaskan bahawa:

Apabila mereka sudah mengerti (membezakan) kanan dan kirinya, hendaklah kamu suruh mereka sembahyang. (Abū Dāwūd t.th., 1.134)

Kesibukan tugas duniawi tidak seharusnya menjadi halangan untuk memperkukuhkan asas takwa dan iman. Rasulullah S.A.W pernah bertindak memerintahkan Sahabat baginda pulang ke rumah setelah 20 malam bersama baginda mendalami ilmu, dengan bersabda:

Kembalilah kamu kepada keluarga kamu, ajarkan (agama) kepada mereka, suruhlah mereka sembahyang dan sembahyanglah sebagaimana kamu melihat aku lakukan sembahyang. Apabila tiba waktu sembahyang, azanlah seorang daripada kamu dan lantik yang lebih tua (yang lebih berilmu) sebagai imam (al-Bukhari t.th, 8:11)

Praktikal berbagai ibadat di kalangan ahli keluarga dapat memantapkan keimanan dan ketakwaan agar pembangunan fizikal keluarga dapat berkembang seiring dan seimbang dengan pembangunan spiritual. Di tangan keluargalah, terutama ibubapa terletaknya tugas mencorak ahli keluarganya terutama anak-anak, sama ada mahu menjadikan mereka Islam, Yahudi atau Nasrani.

Cinta dan kasih sayang (al-Mawaddah dan al-Rahmah) Sebuah keluarga yang bahagia, harmoni dan kukuh hingga keakhirnya hendaklah diasaskan di atas asas *al-Mawaddah* (cinta) dan *al-Rahmah* (kasih sayang). Tanpa cinta dan kasih sayang, sebuah keluarga ataupun perkahwinan itu sendiri akan tergugat yang boleh membawa kepada kehancuran. Kebahagiaan amat mustahil dicapai tanpa adanya rasa kasih sayang dan kasih mengasihi antara individu keluarga. Bahkan asas kasih sayang

dan kasih mengasihani ini mesti wujud di dalam kehidupan seluruh umat manusia untuk melahirkan masyarakat yang bahagia. Lebih-lebih lagi untuk menjalin hubungan kekeluargaan, asas al-Mawaddah dan al-Rahman amat penting. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan Rahmat-Nya bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahi kaum lelaki) isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati (bahagia) dan hidup mesra dengannya dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang (cinta) dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (al-Rum, 30:21)

Tidak ada suatu prinsip yang lebih mantap mengenai pergaulan hidup dan perhubungan bersuami isteri selain daripada apa yang tersurat dan tersirat dalam ayat di atas. Bagaimana mungkin tanpa kasih sayang isteri dapat menjadi "pakaian" kepada suami dan suami pula menjadi "pakaian" kepada isteri seperti yang ditegaskan oleh Allah:

Mereka itu (isteri-isteri kamu) adalah pakaian bagimu, dan kamu pula pakaian bagi mereka. (al-Baqarah, 2:187)

Hubungan ibubapa dengan anak-anak mestilah berasaskan kasih sayang, demikian juga hubungan anak-anak terhadap ibubapanya.

Konsep kasih sayang terhadap anak-anak telah ditunjukkan oleh Rasulullah yang telah memberikan kasih sayangnya kepada cucunya Hasan dan Husin. Baginda menegur seorang Sahabat yang mempunyai sepuluh orang anak-anak tetapi tidak pernah mencium seorang pun dari anak-anaknya. Lantas Rasulullah menegaskan:

Orang yang tidak mengasih (menyayangi seseorang) ia tidak akan dikasih (disayangi). (al-Bukhāri, t.th., 8:8-9)

Al-Mawaddah dan al-Rahmah akan memancarkan sikap lindung melindungi dan tolong menolong sesama anggota keluarga. Sikap ini akan menguatkan lagi hubungan silaturrahim keluarga. Ianya tidak terhad hanya kepada suami isteri, ibubapa kepada anak-anak, tetapi juga anak-anak terhadap ibubapa. Betapa banyak ayat al-Qur'an yang menggesa anak-anak mengasih dan berbakti kepada kedua ibubapa, lebih-lebih lagi sekiranya mereka telah tua. Umpamanya firman Allah s.w.t. bermaksud:

Kami perintahkan kepada setiap manusia supaya berbuat baik kepada kedua ibubapanya, ibu yang mengandungkannya dengan susah payah dan melahirkan-

nya dengan susah payah dan mengandungnya sampai kandungannya tiga puluh bulan. (al-Ahqaf, 46:15).

Pergaulan yang Baik (Husn al-Mu^casharah) Pembentukan keluarga juga diasaskan atas dasar *husn al-Mu^casharah* ataupun *al-Mu^casharah bi al-Ma^crūf* (pergaulan yang baik) sesama suami isteri, anak-anak dan anggota keluarga yang lain. Maksud “yang baik” di sini ialah pergaulan dan hidup bersama secara baik dan diredai Allah. Sesuatu itu tidak dikatakan baik (makruf) melainkan ianya baik dan diredai Allah serta jauh pula dari kemungkaran, kemaksiatan, penganiayaan, kezaliman dan sebagainya (Mahmud Saidon b. Osman 1984: 10).

Dalam hidup berkeluarga, suami sebagai ketua rumahtangga dan keluarga berperanan sebagai “qawwam” (pelindung) kepada isteri. Ia dituntut supaya mempergauli isteri dengan cara yang baik dan sewajarnya. Allah S.W.T. menegaskan:

Dan bergaullah dengan mereka secara yang patut (baik dan wajar). (al-Nisā’, 4:19)

Sebagai seorang isteri tentulah merasa gembira sekiranya diberi layanan yang baik dan sewajarnya dari suami, terutama sekali setelah menunaikan segala tanggungjawab sebagai seorang isteri. Seorang isteri yang taat dan menjaga maruah sudah semestinya ia mendapat sanjungan dari suami. Dan ketika itu suami mesti memberi layanan zahir dan batin kepada isteri secara yang patut.

Kedua-dua aspek ini amat dititik beratkan oleh Rasulullah (s.a.w.) yang dapat difahami daripada perbuatan dan saranan baginda sendiri. Antaranya baginda menyarankan bahawa:

Sebaik-baik kamu ialah mereka yang paling baik (pergaulannya) dengan isterinya, dan aku adalah orang yang paling baik (pergaulan) dengan isteriku. (Ibn Mājah t.t. 636).

Rasulullah semasa hayatnya sentiasa memberi layanan yang sewajarnya kepada isteri-isteri baginda, walaupun baginda sibuk sebagai ketua negara Islam dan sebagai utusan Allah. Contohnya, dalam kesibukan itu baginda masih mempunyai masa untuk bergurau senda dan bermain-main dengan isteri baginda ‘Aishah (r.a.) pada permulaan perkahwinan baginda dengannya. ‘Aishah pernah meriwayatkan ketika dia bermain-main anak patung, lalu baginda mendapatkan teman untuk sama-sama bermain dengannya. (Ibn Mājah, t.t. 1:637).

Baginda juga diriwayatkan pernah berlumba lari dengan isterinya ‘Aishah, di mana kadang-kadang ‘Aishah menang dan kadang-kadang baginda menang. (Ahmad Hambal, t.t. 6:264).

Peristiwa-peristiwa ini jelas menunjukkan Rasulullah (s.a.w.) telah bergaul dengan isteri-isterinya secara yang baik dan mesra. Baginda memberi amaran kepada kaum suami supaya jangan melakukan kekerasan sama ada fizikal dan spritual terhadap isteri. Hal ini telah ditegaskan oleh baginda melalui sabdanya:

Ingatlah, aku mewasiatkan kamu supaya berbuat baik kepada isteri-isteri, sesungguhnya mereka itu orang yang tunduk di bawah perlindungan kamu, mereka tidak mendapatkan sesuatu melainkan kebaikan kamu, kecuali mereka melakukan kejahatan yang nyata....(al-Tirmidhī, t.t. 2:314).

Kerana itulah suami dilarang memukul isteri seperti memukul seorang hamba. Sabda Rasulullah (s.a.w.):

Janganlah ada di antara kamu (suami) yang memukul (menyebat) isteri seperti memukul hamba kemudian ia menjimaknya di malam hari. (al-Bukharī, t.t. 7:42).

Bagi isteri pula yang berperanan sebagai *shaqā'iq al-rijāl* wajib menjalin hubungan mesra dengan penuh kasih sayang terhadap suami, patuh, taat dan melayani kehendak suami zahir dan batin dengan sepatutnya mengikut batas-batas syarak.

Menyentuh pergaulan sesama anak-anak pula, ibubapa semestinya memperlihatkan contoh adab pergaulan yang baik dihadapan anak-anak, di samping mewujudkan suasana mesra dan berkomunikasi yang berterusan yang boleh diwujudkan dengan berbagai cara seperti berjemaah, berbincang dan bertukar-tukar pendapat dengan bijak dan berhikmah.

Dengan adanya pergaulan dan perhubungan yang baik ini dapat membentuk sebuah keluarga yang mempunyai hubungan silaturrahim yang erat lagi mesra antara satu sama lain.

Amanah Tugas dan Tanggungjawab Nafkah Di dalam Islam tanggungjawab nafkah sesebuah keluarga terletak di bahu suami/bapa kepada isteri dan anak-anaknya. Nafkah yang dimaksudkan disini meliputi perbelanjaan makan dan minum, pakaian, menyediakan tempat tinggal dan apa sahaja yang diperlukan dalam kehidupan suami isteri (Mat Saad 1993: 67) dan kehidupan berkeluarga. Dalam hal ini Allah s.w.t. menegaskan:

Dan kewajipan ayah (suami) memberi makan/minum dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang patut (makruf). (al-Baqarah, 2:233).

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

Tempatkanlah mereka (iaitu isteri-isteri kamu) ditempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu. (al-Talaq, 65:6)

Rasulullah S.W.T. pula menegaskan:

Adalah menjadi tanggungjawab kamu kepada mereka (iaitu isteri-isteri kamu) memberikan mereka rezeki (makan/minum) serta pakaian yang dengan sepatutnya. (Muslim, t.th., 2:890)

Dalam hadith yang lain Rasulullah menegaskan:

Sudah cukup bagi seseorang itu untuk mendapat dosa dengan hanya membiarkan orang yang di bawah saraannya (tanpa nafkah) (Ahmad t.t. 2:160).

Apabila sesebuah keluarga dibentuk dengan tidak mengabaikan tanggungjawab nafkah ini, maka setiap ahli keluarga akan berada dalam keadaan yang selesa (tidak susah) dan tenteram.

Isteri pula tidak terlepas daripada tugas dan tanggungjawab lain terhadap keluarga terutama urusan dalam rumahtangga yang dikongsi bersama dengan suaminya. Rasulullah menegaskan:

Suami adalah penjaga (pemimpin) terhadap kaum keluarga dan ia dipertanggungjawab terhadap orang-orang di bawah jagaannya dan isteri adalah penjaga (pemimpin) di dalam rumahtangga suaminya dan anak-anaknya dan dipertanggungjawabkan terhadap orang-orang yang di bawah jagaannya. (al-Bukhārī, t.th. 2:6).

Demikian juga anak-anak bertanggungjawab menjaga kebajikan orang tuanya terutama mereka yang telah tua atau miskin. Allah menegaskan:

Hendaklah kamu berbuat baik kepada ibubapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan jangan kamu mengherdik mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. (al-Isrā', 17:23).

Keadilan Selain daripada asas-asas di atas, keadilan merupakan di antara asas pembentukan keluarga yang penting memandangkan bahawa keadilan itu sendiri dapat menjamin keharmonian dan kerukunan rumahtangga. Keadilan ini bukan sahaja terletak dibahu suami yang berpogami, tetapi keadilan itu mestilah dilihat dari perspektif yang luas

dalam lingkungan rumahtangga dan keluarga yang boleh dilihat dari:

1. Keadilan suami terhadap isteri dan isteri-isteri (poligami).
2. Keadilan isteri terhadap suami.
3. Keadilan ibubapa terhadap anak-anak.
4. Keadilan anak-anak terhadap ibubapa.

Suami yang berpoligami, wajib berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Firman Allah S.W.T..

Maka kahwinilah wanita yang kamu sukai, dua, tiga, atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak dapat berlaku adil, maka (kahwinlah) seorang sahaja. (al-Nisā', 4:3).

Dan Allah S.W.T. memberikan peringatan kepada para suami dalam hal ini dengan maksud firmanNya:

Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isterimu, walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian, kerana itu janganlah kamu terlalu cenderung (kepada yang kamu cintai) sehingga kamu biarkan yang lain terkatung-katung. Dan jika kamu mengadakan kebaikan dan memelihara diri (dari kecurangan) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (al-Nisā', 4:129).

Isteri pula wajib bersikap adil terhadap suami dengan menunaikan tanggungjawab isteri dengan sepatutnya, sebagaimana suami telah memberikan tanggungjawabnya dengan sepatutnya.

Demikian juga ibubapa wajib berlaku adil terhadap anak-anaknya samaada dalam memberikan kasih sayang, perhatian hinggalah kepada perkara-perkara yang berbentuk kebendaan.

Dalam hal ini Rasulullah S.A.W memperingatkan dengan sabdanya:

Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berlaku adil di kalangan anak-anak kamu. (al-Bukhārī, t.th. 3:206)

Selain itu ibubapa terutamanya mestilah adil dari segi nafkah anak dengan pengertian memberikan kepada mereka nafkah yang cukup mengikut kemampuan. Demikian juga anak-anak wajib berlaku adil kepada kedua ibubapa dengan mengasihi, berbakti dan berbuat baik kepada ibubapa seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. dan Rasul-Nya.

Pendidikan dan Pembentukan Peribadi/Akhlak Tidak kurang pentingnya bahawa pembentukan keluarga diasaskan juga melalui pembentukan

peribadi dan akhlak yang unggul. Pembentukan ini seharusnya berlaku di atas setiap individu dalam keluarga dengan menggunakan cara yang bijaksana lagi hikmah supaya proses pembentukan peribadi dan akhlak berjalan dengan harmoni dan mesra; di antara ibubapa dan anak-anak, suami dan isteri.

Pada hakikatnya akhlak mempunyai aspek amat luas yang maksudnya merangkumi budi pekerti, kelakuan, tabiat dan watak. (Kamus Dewan 1986, 17). Dalam Islam, contoh ideal akhlak yang unggul dan mulia ialah Rasulullah S.A.W yang digambarkan berakhlak, berbudi pekerti, berkelakuan, bertabiat dan berperwatakan al-Qur'an (Muslim t.th, 1:513).

Di kalangan anggota keluarga sewajarnya menjadikan akhlak dan sifat yang luhur sebagai budaya anggotanya. Adab bercakap seharusnya menggunakan kalimah-kalimah tayyibah seperti ucapan salam. Ketika makan minum dimulai dan disudahi dengan bismillah dan doa. Tidak membazir tidak pula kedekut. Anak-anak yang telah dewasa hendaklah dipisahkan tempat tidurnya dengan ibubapa dan di antara lelaki dan perempuan. Rasulullah menegaskan:

Hendaklah kamu pisahkan mereka daripada tempat tidur mereka (yakni antara anak lelaki dan perempuan). (Abu Dāwūd t.th, 1.133)

Selain dilatih beribadat wajib, anak-anak wajib dilatih menghormati orang tua, menanamkan sikap tolong menolong dan seumpamanya, lebih-lebih lagi menanamkan semangat persaudaraan dan kasih sayang sesama mereka.

Selain mendidik anak-anak, ibubapa atau suami dianjurkan supaya mendidik ahli keluarganya yang memerlukan didikan peribadi/moral umpamanya, jika isteri derhaka, suami bertanggungjawab mendidiknya dengan bijak. Allah berfirman yang bermaksud:

Wanita-wanita (isteri-isteri) yang kamu khawatiri nusyuznya, hendaklah kamu menasihati mereka, dan (kalau tidak berjaya) pisahkan diri dari keseketiduran dengan mereka, dan (kalau masih ingkar) pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, janganlah kamu mencari-cari jalan menyusahkannya. (al-Nisā', 4:34)

Suami yang melakukan mungkar juga sewajarnya ditegur atau dididik oleh isterinya kerana isteri merupakan orang yang rapat dan bertanggungjawab menunjukkan jalan yang benar kepada suami yang melakukan mungkar dan maksiat. Bahkan secara umumnya apabila berlaku mungkar dihadapan seseorang, hendaklah ia mengubahnya.

Sabda Rasulullah S.A.W

Siapa yang melihat mungkar hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, apabila ia tidak berdaya hendaklah dengan lidahnya, apabila tidak berdaya juga hendaklah dengan hatinya. (Muslim t.th, 1:69)

Ketaatan dan Kesetiaan Bagi menjamin kerukunan dan keteguhan sesuatu keluarga terutamanya di antara suami dan isteri, ketaatan dan kesetiaan merupakan asas yang paling dasar, kerana itu Islam telah menetapkan tanggungjawab menjaga ketaatan dan kesetiaan ini dibahu kedua-dua mereka dengan ertikata isteri wajib taat dan setia pada suami dan begitu juga sebaliknya mengikut pertunjuk yang telah digariskan oleh syarak.

MASALAH DAN CADANGAN

Dalam dunia keluarga masa kini telah banyak berlaku “penyelewengan” dan masalah sosial dan akhlak yang semakin membimbangkan. Ia akan menjadi semakin parah sekiranya tidak ada usaha-usaha yang positif untuk membendungnya. Penyelewengan dan masalah itu antaranya:

1. Pencabulan dan penderaan keluarga; pencabulan dan penderaan anak-anak, penderaan isteri atau suami.
2. lari dari rumah; anak-anak, isteri dan suami.
3. Salah perlakuan anak-anak di luar rumah.
4. Jenayah dikalangan anak-anak.

Pencabulan dan Penderaan Keluarga Mengikut laporan bahawa orang-orang yang dikenali seperti bapa, bapa tiri, saudara kandung, saudara mara dan teman lelaki dikenal pasti sebagai pencabul dan perogol. Umpamanya di Johor, terdapat lebih separuh kes rogol membabit bapa kandung, dan pada tahun 1991, 50% daripada 45 kes serangan seksual yang dilaporkan di negeri itu membabitkan bapa kandung kepada si mangsa (*Berita Harian*, 13 Mei 1993).

Gadis/Remaja Hilang (lari dari rumah). Jumlah 11,429 kes gadis/remaja hilang dari rumah dan semakin meningkat (*Berita Harian* 13 Mei 1993), yang sebahagian besar disebabkan masalah keluarga. Kadarnya adalah seperti berikut:

3,845	–	lelaki (33.7%)
7,582	–	perempuan (66.3%)

7,527	–	remaja (65.8%)
5,089	–	Gadis bawah umur (67.8%)

Peningkatan Setiap tahun:

1990	–	3,179
1991	–	3,808
1992	–	4,442

Di antara sebab remaja/gadis hilang atau lari dari rumah ialah:

1. Perselisihan faham dengan ibubapa
2. Kurang pengawasan dan kasih sayang
3. Tekanan ibubapa tiri.
4. Kemiskinan – ingin mencari pekerjaan
5. Ingin hidup bebas
6. Dipengaruhi oleh kawan-kawan.
7. Tidak ingin meneruskan pelajaran.
8. Ikut teman lelaki.

Masalah Murid Disingkir dari Sekolah Sejak tiga tahun lalu seramai 1,771 pelajar dibuang sekolah kerana pelbagai kesalahan (*Berita Harian* 13 Mei 1993). Di antara sebab-sebabnya ialah:-

1. Ponteng.
2. Merokok.
3. Pelbagai kesalahan berat.

Kes Juvana Bersalah Kes juvana bersalah (dakwaan terbukti) semua mahkamah amat berleluasa sekali. Pada tahun 1994 misalnya, terdapat 4,538 kes dan pada tahun 1995 pula terdapat 4,012 (Jabatan Kebajikan Masyarakat 1994 & 1995).

Jumlah ini tidak termasuk kes membabitkan pelanggaran disiplin yang semakin meningkat. Contoh-contoh pelanggaran disiplin di sekolah seperti memukul guru, memeras ugut, merosak harta benda dan penagihan dadah.

Manakala pelanggaran disiplin di luar sekolah pula ialah seperti 1. Merayau-rayau di kompleks membeli belah, 2. berdisko, 3. Merokok, 4. Kongsi Gelap/samsing.

Kes Pelacuran Perangkaan mengenai wanita dan gadis, gadis Melayu yang berumur antara 15-21 tahun yang terlibat dengan kes-kes pelacuran tidak kurang jumlahnya. Pada tahun 1994, daripada 337 kes, 114 kes

melibatkan gadis Melayu dan tahun 1995 dari pada 189 kes, 62 kes melibatkan gadis Melayu. (Jabatan Kebajikan Masyarakat 1994 & 1995).

Ini adalah di antara sebahagian masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat kini yang antara lainnya adalah disebabkan masalah dalaman keluarga.

Bagi menghadapi masalah ini, di antara cadangan yang dianjurkan di sini ialah:

1. Kursus-kursus perkahwianan yang diberikan kepada bakal pengantin hendaklah diperkemas, dipertingkatkan dan diperluaskan kepada bukan sahaja orang-orang Islam tetapi juga bukan Islam.
2. Pertubuhan-pertubuhan sukarela, persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGO) disarankan supaya kerap mengadakan kursus-kursus keibubapaan seperti yang telah dijalankan oleh AKRAB.
3. Pihak berkuasa ataupun swasta dicadangkan supaya menubuhkan Pusat Khidmat Keluarga Bermasalah dan Pusat Khidmat Anak-anak Bermasalah dengan hanya mengenakan bayaran yang rendah.
4. Media massa disarankan supaya memperbanyakkan pendidikan kekeluargaan dan mengurangkan rancangan hiburan.

Kejayaan membentuk sesebuah keluarga terletak ditangan setiap individu dalam keluarga terutamanya ibubapa atau suami isteri melalui kerjasama berterusan dan kesungguhan yang tidak terbatas. Sikap bertanggungjawab dan prihatin menentukan kejayaan dalam mencapai matlamat pembentukan sesebuah keluarga.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Abū Dāwūd, Sulaymān b. al-Ash'ath al-Sijistānī al-Azdī. t.t. *Sunan Abū Dāwūd*. 4 jilid. Dār al-Fikr.

Ahmad, Hanbal. t.t. *al-Musnad al-Imām Ahmad*. Jilid. Bayrūt: Dār al-kutub al-'Ilmiyyah.

'Āshūr, 'Abd. al-Fattah. 1979 *Manhaj al-Qur'an fi Tarbiyah al-Mujtama'*, Misr: Maktabah al-Khanji.

al-Bahī, Muhammad. 1977 *al-Islām fi Hayāt al-Muslim*, al-Qahrah: Maktabah Wahbah.

Berita Harian 13 Mei 1993.

al-Bukhārī, Muhammad b. Ismā'īl b. Ibrāhīm. t.t. *Sahīh al-Bukhārī*. 9 Jilid. Dār al-Jayl.

Ibn Mājah, Abū 'Abdullāh Muhammad b. Yazīd al-Qazwīnī. t.t. *Sunan Ibn Mājah*. 2 Jilid. Bayrūt: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Buletin Perangkaan Kebajikan 1994 & 1995*. Kuala Lumpur.

- al-Jāmī, Muhammad Amān b. 'Alī. 1984. *Nizām al-Ushrah fī al-Islām* Riyād: al-Ri'asah al-'Āmmah li-dār al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Ifṭā' wa al-Da'wah wa al-Irshād.
- al-Jalālayn, Muhammad b. Ahmad al-Mahalli dan 'Abd. al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūṭi. t.t. *Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn*. Bayrūt: Dār al-Ma'rīfah.
- Mahmud Saidun b. Osman. 1984. *Asas Pembentukan keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Mat Saad Abd. Rahman. 1993. *Undang-undang Keluarga Islam – Aturan Perkahwinan*, Shah Alam: HIZBI.
- Muslim, Abū al-Husayn Muslim b. al-Hajjāj. t.t. *Sahīh Muslim*. 5 Jilid. Turki: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Nasā'ī 'Ahmad b. Shu'ayb b. 'Alī b. Bakr al-Nasā'ī. *Sunan al-Nasā'ī*. 5 Jilid. Bayrūt: Dār al-Qalam.
- Tabbarah, Afif Ab. Fattah. 1989 *Wanita Dan Keluarga Dalam Islam*. Kuala Lumpur: YADIM.
- al-Tirmidhī, Abū 'Isā Muhammad b. 'Isā b. Sawrah. t.t. *Sunan al-Tirmidhī*, 5 Jilid. Bayrūt: Dār al-Fikr.

Jabatan Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D. E.